EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة قوستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JULAI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

PROGRAM ROAD TOUR MENJEJAK ALUMNI - ALUMNI ASPIRE 2026 : DARI JEJAK KE JALINAN

19 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Delegasi universiti bergambar kenangan bersama alumni

DUNGUN, 19 Julai – Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJI) UiTMCT Kampus Dungun dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan dan Unit Jaringan Kerjasama Strategik (BJAK) ICAN UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Road Tour Menjejak Alumni – "Alumni Inspire 2026: Dari Jejak ke Jalinan" pada 19 Julai 2026. Delegasi universiti yang diketuai oleh Rektor UiTM Cawangan Terengganu, YBrs. Dr. Ermeey Abd. Kadir, bersama Timbalan Rektor BPJI, Dr. Baktiar Musa, dan Ketua Unit BJAK, Ts. Dr. Fatimah Zaharah, telah melawat beberapa premis perniagaan milik alumni UiTMCT di daerah Dungun dan Kuala Terengganu. Lawatan ini merangkumi pelbagai sektor perniagaan seperti Desa Palas Logistics / J&T Express Dungun, FF Foods Enterprise / Bingxue Dungun, Laut Eatery, serta Quinara Al Safir Resort.







SCAN ME

Dalam masa yang sama, wakil Perpustakaan Cendekiawan, Encik Md Kamil Ibrahim (Pustakawan Kanan), turut mengambil peluang mengumpul bahan keusahawanan dan koleksi bernilai arkib bagi memantapkan Repositori Keusahawanan Bumiputera serta Rekod Penting Universiti. Inisiatif strategik ini diharapkan dapat meluaskan jaringan kerjasama industri di samping memperkayakan sumber rujukan akademik yang berimpak tinggi untuk warga UiTM dan masyarakat secara keseluruhannya.



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI